

14/07/1997

Majikan perlu galak tabiat menabung

Mat Batu Belah Batu Bertangkup

SEBAHAGIAN besar rakyat Malaysia makan gaji sama ada sebagai kakitangan kerajaan atau pun dalam sektor swasta. Jentera kerajaan memerlukan kakitangan, begitu juga swasta. Skop dan jawatan dalam kerajaan terhad, manakala di pihak swasta pula terbuka dan cabarannya sangat hebat. Gaji dan insentif pula sangat berbeza.

Kerajaan sentiasa memberi pelbagai peluang dan kemudahan terutama kepada Bumiputera untuk bersaing dan memajukan diri dalam pelbagai bidang ekonomi sejak Malaysia mencapai kemerdekaan taraf kehidupan dan kedudukan seseorang bergantung kepada keupayaan mencari dan mengumpul wang.

Semua orang memerlukan wang. Hanya cara mendapatkan wang itu menjadi pemisah antara mereka yang makan gaji dengan mereka yang berusaha dalam bidang perniagaan.

Walau apapun cara mereka, tabungan daripada punca pendapatan sangat mustahak kepada sesiapa saja. Sebab itu kerajaan lebih arif mengenai hal ini dengan mewajibkan simpanan melalui potongan gaji menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kemudahan itu juga dipanjangkan kepada sektor swasta.

Kita patut bersyukur kerana tabungan itu adalah perancangan jangka panjang bagi membantu kita apabila bersara menghadapi masa tua kelak.

Semua orang tahu bahawa untuk menabung secara bersendirian, berdisiplin dan secara sukarela amatlah payah dan tidak berkesan, tidak seperti KWSP atau bagi anggota tentera pula dalam tabungan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Malaysia adalah sebuah negara yang begitu pesat berkembang maju, mempunyai pelbagai institusi kewangan, bank, koperasi, insurans dan sebagainya yang semua ini boleh digunakan oleh rakyat untuk menyimpan wang dan menabung. Walaupun fungsi setiap institusi ini agak sama tetapi perbezaannya adalah ketara bergantung kepada kehendak seseorang itu.

Bagi kakitangan kerajaan dan swasta, bank adalah salah satu agensi yang digunakan oleh majikan untuk menyalurkan gaji pekerjanya setiap bulan. Amalan membayar gaji secara tunai sudah lama dihapuskan.

Dengan itu ia adalah satu langkah bijak menjuruskan tabiat pekerja merapatkan diri dengan bank bagi tujuan menggalakkan mereka berminat menabung. Malangnya perkara sebaliknya berlaku kerana setiap bulan wang masuk hanya sekali tapi pengeluaran dibuat dua atau tiga kali.

Kesimpulannya setiap ringgit yang kita perolehi melalui kerjaya, titik peluh dan usaha kita adalah hak kita. Masalahnya bagaimana hendak menabung serta bagaimana menyelamatkan tabungan itu daripada kian susut. Hanya tabungan di dalam KWSP dan LTAT lebih selamat, efektif dan berwawasan.

Mungkin ramai sudah lupa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kempen mengajak rakyat menabung pada November 1996. Kemudian Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula membuat saranan dalam satu majlis perhimpunan perpaduan Hari Pekerja 1997 dan pelancaran galakan tabungan pekerja di Stadium Negara pada malam 3 Mei 1997. Beliau memberi cabaran dan ingin melihat serta mahu mengukur kehebatan ketua-ketua kesatuan sekerja dan majikan di dalam mempengaruhi pekerja untuk menabung.

Tidak tahulah sejauh mana program itu berjalan dan keberkesanannya setakat ini. Jika nak tunggu tiap kali Perdana Menteri dan timbalannya turun padang dan buka mulut untuk nak suruh kita menabung tapi ketua jabatan macam buat tak kisah, tak ambil berat langsung sampai bila pun

hasrat murni kerajaan tidak akan tercapai.

Saya pernah dengar ada antara ketua jabatan yang semacam tidak begitu berminat untuk kakitangan mereka mendengar/hadiri taklimat mengenai skim tabungan yang dari semasa ke semasa dianjurkan oleh institusi kewangan tertentu.

Ada yang menyuarakan kakitangan mereka tidak berminat seolah-olah mereka membuat keputusan muktamat bagi pekerjaanya. Budaya dan sikap negatif ini janganlah diamalkan. Sekurang-kurangnya berilah peluang kepada kakitangan mendapat sedikit pendedahan dan ilmu yang boleh diperolehi secara percuma melalui setiap majlis ceramah dan taklimat.

Apabila sudah hadir barulah mereka boleh 'mendengar, berfikir dan bertindak'. Kita jangan jadi hipokrit kerana kita lebih maklum bahawa tiada seorang pekerja pun yang bekerja lapan jam terus tidak berhenti-henti dalam sehari. Soal kecekapan adalah satu perkara yang patut diberi perhatian.

Di rumah, ibu bapa bertanggungjawab dan memainkan peranan penting mengalok dan merangsang anak menabung. Jika di pejabat, majikan dan ketua yang harus memainkan peranan ini.

Presiden Fomca, Prof Hamdan Adnan pernah berkata kempen menabung kurang berkesan sebaliknya rakyat gemar berbelanja lebih daripada pendapatan, malah sanggup berhutang. Prof Madya Ariffin Zainal dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula berkata kajian mendapati orang Melayu kurang menabung kerana mahu menikmati keuntungan dalam tempoh singkat. Sehubungan itu mereka lebih gemar melabur dalam aktiviti yang memberikan pulangan segera seperti skim cepat kaya walaupun tahu kaedah itu mempunyai risiko.

Jadi, untuk mendapat sambutan daripada kakitangan dan pekerja pihak jabatan yang berhubungkait seperti Biro Perkhidmatan Angkasa (potongan caruman tabungan untuk kakitangan kerajaan) dan jabatan kerajaan sendiri hendaklah mengguna budi bicara dengan tidak mengetatkan syarat dengan harapan untuk mencapai hasrat kerajaan dan makna penabungan itu.

Saya syorkan agar institusi kewangan tertentu turun padang untuk memberi pendedahan yang lebih luas mengenai skim tabungan dan majikan perlu memberi perhatian serius untuk menggalakkan semua peringkat kakitangan mereka supaya mengikut program terutamanya yang ada hubungan dengan skim penabungan. Dengan secara langsung akan membina dan terpacat minat budaya menabung yang akan dibawa sehingga ke generasi akan datang.

MAT BATU BELAH BATU BERTANGKUP,  
Taman Perling, JB.

(END)